

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

- PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**
- DARIPADA** : **Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN
NAINA MERICAN
[KEPALA BATAS]**
- TARIKH** : **18 JUN 2014**
- SOALAN** : **Dato' Seri Reezal Merican bin Naina
Merican [Kepala Batas] minta MENTERI
LUAR NEGERI menyatakan status
pencapaian dan pelaksanaan Malaysian
Technical Cooperation Programme (MTCP)
pada ketika ini. Apakah ianya masih
menjadi bidang tumpuan kepada
Kementerian dan negara pada ketika ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kepala Batas atas soalan beliau.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Semenjak Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) ditubuhkan pada 1980, Malaysia telah menawarkan program-program untuk meningkatkan daya-upaya modal insan di negara-negara membangun di bawah rangka kerja Kerjasama Selatan-Selatan. Melalui perkongsian pengalaman dan kepakaran di dalam bidang pembangunan, Malaysia telah dapat memperkukuhkan lagi hubungan dua hala antara Malaysia dengan negara-negara ini.

3. Program-program latihan yang dilaksanakan adalah di dalam bidang-bidang di mana Malaysia diakui sebagai pakar di peringkat antarabangsa, termasuk pembangunan ekonomi, perbankan Islam dan diplomasi. Sejak penubuhannya, lebih daripada 27,000 peserta dari 139 negara telah mendapat manfaat dari program-program latihan bina-upaya di bawah MTCP. Negara-negara penerima MTCP menganggap Malaysia sebagai model negara membangun yang wajar dicontohi dan telah memberikan maklumbalas yang positif di atas bantuan Malaysia di dalam meningkatkan daya-upaya modal insan rakyat mereka dan sekaligus membantu usaha pembangunan nasional mereka.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Di samping itu, kemajuan dan kepakaran Malaysia telah mendorong banyak negara-negara maju, negara-negara membangun dan agensi-agensi pembangunan antarabangsa seperti *United Nations Development Programme* UNDP dan *Japan International Cooperation Agency* (JICA) untuk meningkatkan kerjasama melalui program Kerjasama Tiga-Hala dengan MTCP.

5. Sumbangan Malaysia melalui MTCP telah mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf Malaysia sebagai salah satu negara utama (*pivotal country*) dan aktif dalam Kerjasama Selatan-Selatan semenjak tahun 1995. Pada tahun 2008, PBB telah menganugerahkan, dengan izin, *South-South Innovation Award* kepada Malaysia sempena Hari PBB (*United Nations Day*) sebagai pengiktirafan ke atas usaha Malaysia membantu negara-negara membangun yang lain.

6. Peranan MTCP juga telah mendapat pengiktirafan masyarakat antarabangsa. Semasa sambutan Hari PBB 2013 di Malaysia, MTCP telah menerima anugerah, dengan izin, "*UNDP Award 2013 for Millennium Development Goal 8 – Develop a Global Partnership for Development*". Anugerah ini diberi kepada negara yang dicalonkan oleh negara-negara membangun lain yang telah membantu mereka di dalam usaha mencapai, dengan izin, *UN Millenium Goals*.

7. Malaysia akan terus mempergiatkan usaha-usaha untuk membantu negara-negara membangun yang lain untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi mereka melalui pelbagai program yang dianjurkan oleh MTCP yang berlandaskan semangat, dengan izin, "*Prosper-Thy-Neighbour*". Sebagai salah satu usaha diplomatik yang dilaksanakan oleh KLN, MTCP akan dapat memberi impak secara langsung dan tidak langsung kepada negara di dalam usaha untuk meningkatkan kerjasama dengan negara-negara lain. Usaha-usaha ini juga menyokong dasar-dasar transformasi negara ke arah mencapai objektif menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.